

Lampiran Penerangan Produk

Boiler and Pressure Vessel Insurance

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurance PIDM atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](https://www.chubb.com/my-en/contact-us/product-enquiry.html) atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).

Pelanggan sekalian,

Lampiran Penerangan Produk (Lampiran) ini direka untuk memberi anda maklumat utama mengenai polisi Boiler and Pressure Vessel Insurance ini.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran ini dan mendapati ia berguna; **Anda juga patut membacanya.**

1. Apakah Boiler and Pressure Vessel Insurance ?

Polisi ini memberi anda perlindungan terhadap kerosakan pada dandang atau bejana tekanan anda, liabiliti sah anda untuk kerosakan harta benda dan liabiliti sah anda untuk kerana kecederaan maut atau bukan maut yang disebabkan oleh dan semata-mata disebabkan letupan atau keruntuhan sebarang dandang atau bejana tekanan yang diterangkan dalam jadual polisi semasa pelaksanaan kerja biasa.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Anda akan menerima perlindungan berikut:

Polisi ini meliputi:	Polisi ini mengecualikan:
<ul style="list-style-type: none"> Kerosakan (selain daripada kebakaran) pada sebarang dandang atau bejana tekanan; Liabiliti sah anda untuk kerosakan harta benda bukan milik anda; Liabiliti sah anda untuk kecederaan maut atau bukan maut kepada mana-mana orang selain daripada pekerja anda atau ahli keluarga anda, <p>disebabkan oleh dan semata-mata disebabkan letupan atau keruntuhan dandang sebarang atau bejana tekanan seperti yang diterangkan dalam jadual polisi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat, letupan kimia, banjir, hurikan, siklon; Kerugian atau kerosakan akibat pengenaan keadaan luar biasa yang secara langsung disebabkan oleh ujian, beban berlebihan yang disengajakan atau eksperimen; Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kerosakan atau kecacatan bawaan; Baikpulih atau penggantian yang diperlukan oleh kerosakan langsung akibat haus dan lusuh, kakisan, hakisan, karat atau calar permukaan yang dicat atau digilap Sebarang sekatan ke atas pembinaan semula atau operasi yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa awam;

Senarai perlindungan dan pengecualian dalam jadual ini **bukan menyeluruh**. Sila baca polisi anda untuk senarai penuh terma dan syarat

Tempoh perlindungan ialah satu(1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Jika Anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk insurans Anda, Anda boleh:

Hubungi Kami di: 603-2058 3000

Lawati Kami di: <https://www.chubb.com/my-en/contact-us/product-enquiry.html>

E-mel Kami di: Inquiries.MY@chubb.com

2. Ketahui Kewajipan Anda

Untuk polisi insurans ini, jumlah premium yang tepat akan ditentukan berdasarkan pelbagai faktor, termasuk pendedahan risiko, jenis dan keadaan dandang, jumlah tertanggung dan pengalaman tuntutan.

Sila hubungi kami atau perantara perkhidmatan anda untuk mendapatkan sebut harga.

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut: Kepentingan pendedahan

Duti setem (jika berkenaan)	RM 10.00
Komisen (jika berkenaan)	Maksimum sehingga 15% daripada jumlah premium
Caj lain yang dikenakan	Cukai perkhidmatan 8%

3. Terma Utama Lain

Kewajipan pendedahan anda

- Sebelum anda memasuki kontrak insurans am dengan kami, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan kepada kami apa-apa perkara bahawa:
 - (a) Anda tahu relevan dengan keputusan kami sama ada untuk menerima risiko atau tidak serta kadar dan terma yang akan digunakan; atau
 - (b) seseorang yang munasabah dalam keadaan itu dijangka akan mengetahui perkara yang relevant.
- Semua loji hendaklah diperiksa dalam tempoh berkanun oleh pemeriksa yang diberi kuasa oleh pihak berkuasa yang berkenaan.
- Dandang hanya boleh dikendalikan oleh atendan yang memegang sijil kecekapan sah yang dikeluarkan di bawah Akta Kilang dan Jentera yang berkenaan
- Anda mesti mengambil semua langkah berjaga-jaga biasa dan munasabah untuk keselamatan harta tertanggung.
- Premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi/pengelesen/sijil pembaharuan ini. Kegagalan untuk membayar premium dalam tempoh ini, kontrak dibatalkan secara automatik dan kami berhak mendapat premium pro rata untuk tempoh penanggung risiko anda.
- Terdapat jumlah deduktibel, iaitu jumlah yang perlu anda tanggung sebelum kami menanggung rugi anda.
- Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan, anda perlu memberikan notis bertulis kepada kami mengenai tuntutan tersebut secepat mungkin selepas anda mengetahui perkara tersebut

Nota: Senarai ini **bukan menyeluruh**. Sila baca polisi anda untuk terma dan syarat penuh polisi ini.

4. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Polisi ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami dan dengan syarat tiada tuntutan dibuat semasa tahun polisi semasa. Anda berhak mendapat bayaran balik berdasarkan kadar tempoh pendek kami tertakluk kepada premium minimum yang dikekalkan oleh kami.